

LBS CATAT PERTUMBUHAN PATMI 45.2% BAGI TAHUN 2025, DIPACU STRATEGI 8 X 8 DAN KADAR PEMBAYARAN DIVIDEN MENINGKAT 40%

- Q4FYE2025 melonjak 61.0%, manakala PATMI (operasi berterusan) catat pemulihan kukuh
- Nisbah pembayaran dividen PATMI dinaikkan kepada 40% berbanding 30% sebagai penghargaan kepada pemegang saham
- Mengumumkan pembatalan saham perbendaharaan, tingkatkan pegangan ekuiti dan nilai kepada pemegang saham

Petaling Jaya, 25 Februari 2026 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, hari ini mengumumkan keputusan kewangan tidak diaudit bagi suku keempat (“Q4FYE2025”) serta kewangan berakhir 31 Disember 2025 (“FYE2025”), sekali gus mencerminkan prestasi kukuh sepanjang tahun pertama pelaksanaan Strategi 8 x 8 bagi tempoh tiga tahun.

Bagi Q4FYE2025, LBS mencatat hasil sebanyak RM462.3 juta, mencerminkan peningkatan sebanyak 61.0% berbanding RM287.1 juta yang direkod dalam suku yang sama pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada segmen pembangunan hartanah, melonjak sebanyak 59.5% kepada RM418.1 juta, berbanding RM262.1 juta sebelum ini. Susulan itu, operasi berterusan Kumpulan mempamerkan pemulihan yang teguh, sekali gus mencatat keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti yang dinormalisasikan (“PATMI”) sebanyak RM40.6 juta, berbanding kerugian sebanyak RM7.4 juta pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh pelaksanaan pembangunan yang dipercepatkan bagi projek-projek yang sedang dilaksanakan serta realisasi kecekapan kos daripada projek-projek yang telah siap.

Bagi tahun penuh kewangan penuh 2025, hasil Kumpulan meningkat sebanyak 8.3% mencecah RM1.6 bilion. Sebahagian besar perolehan ini disumbang oleh segmen pembangunan hartanah yang menjana RM1.5 bilion, atau 93.8% daripada jumlah keseluruhan perolehan Kumpulan. Pertumbuhan hasil dalam segmen ini disokong oleh kemajuan pembinaan yang lebih pesat di projek-projek pembangunan sedia ada, khususnya projek-projek di Lembah Klang seperti LBS Alam Perdana, KITA @ Cybersouth, Prestige Residence dan Projek Idaman. Sehubungan itu, PATMI daripada operasi berterusan meningkat kepada RM125.2 juta, iaitu peningkatan sebanyak 45.2% berbanding 86.3 juta pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan pendapatan Kumpulan yang memberangsangkan ini turut dipengaruhi oleh asas perbandingan yang lebih rendah pada tahun sebelumnya, merangkumi kerugian pertukaran mata wang asing sekali had (One-off) susulan penyelesaian pinjaman dalam Kumpulan berikutan pelupusan Lamdeal Investment Limited.

Mengulas keputusan tersebut, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Dato' Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San berkata, "FYE2025 menandakan tahun pertama pelaksanaan Strategi 8 x 8, di mana prestasi kewangan kami mencerminkan keberkesanan pendekatan strategik ini. Kami berjaya mencapai jumlah jualan sebanyak RM1.4 bilion bagi tahun ini, melangkaui pencapaian RM1.3 bilion pada tahun sebelumnya. Momentum pelaksanaan projek yang stabil turut dikekalkan, dengan permintaan yang kukuh merentas pasaran utama. Pembangunan di Lembah Klang terus menjadi tonggak utama keuntungan Kumpulan, disokong permintaan konsisten terhadap projek kediaman dan perindustrian. Selain itu, kami akan mengendalikan pembangunan di salah sebuah perbandaran berprestij Kwasa Damansara, dengan pelancaran dijadualkan bermula pada tahun 2027. Selain Lembah Klang, kami juga teruja dengan jalinan usaha sama bersama Oriental Holdings Berhad untuk membangunkan projek bercampur bersepadu di Klebang, Melaka."

Sebagai pengiktirafan terhadap sokongan berterusan dan keyakinan para pemegang saham terhadap trajektori pertumbuhan Kumpulan, LBS telah meminda dasar dividennya secara rasmi. Berkuat kuasa dari FYE2025, Kumpulan telah meningkatkan nisbah pembayaran dividen minimum daripada 30% kepada 40% daripada PATMI. Dengan komitmen untuk memperkasakan nilai pemegang saham, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim pertama satu peringkat sebanyak 1.3 sen sesaham biasa, yang akan dibayar pada 20 Mei 2026. Lembaga Pengarah turut mencadangkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa, tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) akan datang.

Pada masa yang sama, LBS turut mengumumkan pembatalan sebanyak 10 juta saham perbendaharaan, yang mewakili 0.6% daripada jumlah saham biasa terbitan, sebagai satu langkah strategik untuk mengoptimumkan struktur modal serta meningkatkan nilai kepada para pemegang saham. Melalui pengurangan jumlah keseluruhan saham dalam edaran, inisiatif ini dijangka akan meningkatkan pendapatan sesaham Kumpulan, menambah baik dividen sesaham serta mencerminkan komitmen LBS dalam menyampaikan nilai kelestarian kepada para pemegang sahamnya.

Setakat 31 Disember 2025, LBS mencatat baki tunai dan bank sebanyak RM653.2 juta, dengan aset bersih sesaham meningkat kepada RM1.10 berbanding RM1.05, mencerminkan kedudukan kewangan yang sihat. Jualan belum dibil sebanyak RM1.3 bilion akan terus memberikan kejelasan perolehan yang kukuh kepada LBS bagi tahun-tahun mendatang. Berbekalkan tumpuan terhadap pengurusan modal yang berdisiplin, prinsip kelestarian, serta permintaan pasaran yang konsisten, Kumpulan kini berada pada kedudukan yang strategik untuk memacu Strategi 8 x 8 dan memberikan nilai jangka panjang kepada para pihak berkepentingan.